



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**PENUBUHAN MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA
PERINGKAT KEBANGSAAN DI BAWAH KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

Putrajaya, 18 Jun 2020 - Kementerian Perpaduan Negara telah menubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) di peringkat kebangsaan yang **dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Kluster Sosial dan dianggotai oleh tokoh-tokoh masyarakat merangkumi pelbagai sektor termasuk wakil dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan individu yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan. Ini adalah selari dengan pengemaskinian dan penyusunan semula struktur jawatankuasa-jawatankuasa perpaduan sedia ada dan teras utama dan hala tuju baharu Kerajaan semasa.**

2. Keahlian MPPN adalah **dilantik oleh YAB Perdana Menteri bagi tempoh dua (2) tahun**. MPPN akan **bersidang sebanyak enam (6) kali setahun** bagi membincangkan isu-isu perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.

3. MPPN ini disokong oleh Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara di peringkat Kementerian dan Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri yang dipengerusikan oleh ahli-ahli YB EXCO Perpaduan Negeri di peringkat negeri masing-masing.



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

4. MPPN akan bertanggungjawab menasihati Kerajaan melalui Kementerian dalam hal-ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan bagi terus mengukuhkan agenda perpaduan nasional.

5. Langkah menubuhkan MPPN di peringkat kebangsaan dan jawatankuasa-jawatankuasa perpaduan di peringkat Kementerian serta negeri adalah bagi memperkukuhkan hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional secara bersepadu demi kepentingan rakyat dan negara Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

18 Jun 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (10)